

Longkang sekitar flat Miharja Fasa 1 tersumbat

Bit
02/02

KUALA LUMPUR: Kira-kira 5,000 penduduk membabitkan empat blok di flat kos rendah Miharja Fasa 1 berada dalam kebimbangan sejak beberapa bulan lalu berikutan sistem perparitan yang tidak sempurna di kawasan perumahan itu.

Pengarah Pusat Perkhidmatan MCA, Dr Jeffrey Goh Sim IK, berkata aliran air longkang tidak dapat mengalir dengan sempurna kerana longkang di kawasan itu tersumbat dan dipenuhi sampah sarap dan tanah.

Beliau berkata, berikutan itu penduduk di kawasan terbabit kini berhadapan dengan masalah banjir kilat selain bau busuk yang berpunca dari longkang tersumbat terutama selepas waktu hujan.

"Penduduk mendakwa masalah ini berpunca dari kerja pelebaran sepanjang Jalan Loke Yew yang kini dalam pembinaan. Longkang di perumahan ini menjadi cetek kerana terdapat timbunan tanah di dalamnya.

"Longkang ini didapati tidak berfungsi manakala air tidak dapat mengalir dengan sempurna sekali gus menyebabkan berlaku banjir kilat di kawasan perumahan itu," katanya pada sesi lawatan kerja bersama wakil Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di sini, baru-baru ini.

Katanya, penduduk membuat aduan kepada pihaknya beberapa minggu lalu bukan saja tidak tahan dengan masalah berkenaan tetapi juga bimbangkan penyakit denggi akan merebak di kawasan berkenaan.

"Setakat ini kita belum menerima sebarang aduan mengenai kejadian denggi di kawasan ini tetapi tidak bermakna kita boleh 'lepas tangan' dengan tidak melakukan sebarang tindakan pembersihan.

"Jadi, mereka membuat aduan ini kepada kita supaya kita dapat mengenenangkannya kepada pihak berkuasa sekali gus mencari jalan penyelesaian berhubung masalah yang mereka hadapi selama ini," katanya.

Beliau berkata, pihaknya akan meminta DBKL menaiktaraf dan memperbaiki sistem perparitan dan saluran di kawasan ini dan usul itu akan diketengahkan pada Majlis Tindakan Bebas DBKL.

"Kita berharap DBKL menyegerakan kerja menaiktaraf ini memandangkan ia membabitkan kepentingan masyarakat setempat.

"Selain Flet Miharja fasa 1 ini, kami juga turun padang meninjau masalah yang sama di kawasan lain seperti di Taman Segar, Taman Yulek dan beberapa kawasan di Taman Tynton," katanya.